

D919

U B555 AAB  
MAHATHIR - BANK  
DARI ZAINOOR SULAIMAN  
(1)

LONDON, 26 MEI (BERNAMA) -- MALAYSIA CUBA MENYAKINKAN DIRINYA BAHAWA PENYATUAN PASARAN EROPAH TIDAK AKAN MERUGIKAN NEGARA ITU; KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM TADI.

PERDANA MENTERI BERKATA SESUNGGUHNYA MALAYSIA LEBIH SUKA JIKA IA DAPAT BERURUSAN DENGAN SATU UNDANG-UNDANG YANG SERAGAM APABILA BERNIAGA DI EROPAH KERANA BLOK PERDAGANGAN KUASA BESAR MEMPUYAI CARA TERSENDIRI UNTUK +MENINDAS+ RAKAN PERDAGANGANNYA YANG LEMAH.

+BARU-BARU INI SATU DARIPADA BLOK ITU MENGGARISKAN SENARAI MENGANDUNGI 30 NEGARA YANG TELAH MELAKUKAN PERBUATAN SALAH DARIIPADA SISI UNDANG-UNDANG,+ KATANYA SAMBIL MENAMBAH BAHAWA MALAYSIA HANYA DISENARAIKAN SEBAGAI MENYEKAT PENGIMPORAN EPAL BERNILAI 300,000 PAUN STERLING SETAHUN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN PADA MAJLIS JAMUAN MALAM ANJURAN BANK NEGARA MALAYSIA SEMPENA PERASMIAN PEJABAT WAKILNYA DI LONDON; DI SINI.

PEJABAT BANK ITU, YANG TERLETAK DI TINGKAT LAPAN, BERKELEY SQUARE HOUSE, DAN MERUPAKAN PEJABAT LUAR NEGERI BANK NEGARA YANG KEDUA SELEPAS CAWANGANNYA DI NEW YORK, DIRASMIKAN OLEH PERDANA MENTERI.

YANG TURUT HADIR IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, MENTERI KEWANGAN, DATUK PADUKA DAIM ZAINUDDIN, GABENOR BANK NEGARA, TAN SRI JAFFAR HUSSEIN DAN PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA, DATUK MON JAMALUDDIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TELAH DIBERI AMARAN BAHAWA IA AKAN DIHUKUM JIKA IA TIDAK MENGUBAH CARANYA. -- LAGI 1155MST 26 05 89

D925

U B561 AAB  
MAHATHIR - BANK 2 LONDON

TANPA MENAMAKAN NEGARA ITU, BELIAU BERKATA NEGARA BERKENAAN JUGA MENGAMALKAN +JENYAH-JENYAH YANG IA MENUDUH NEGARA LAIN MELAKUKANNYA. DALAM PERDAGANGAN ANTARABANGSA, KEKAYAAN DAN KUASA AMAT PENTING.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEKHUATIRAN MALAYSIA BAHAWA AKAN WUJUD SATU BENTENG DI EROPAH BERIKUTAN PENYATUAN PASARAN EROPAH ADALAH BENAR.

+PASARAN KITA TERLALU KECIL SEHINGGAKAN KITA TIDAK DAPAT BERTINDAK BALAS DALAM APA JUA CARA,+ KATANYA.

+SELAMA BEBERAPA TAHUN PASARAN KITA DIKAWAL OLEH NEGARA-NEGARA EROPAH. SEKARANG APABILA KITA TELAH MENERIMA PRINSIP PERDAGANGAN BEBAS EROPAH DAN MENIKMATI SEDIKIT FAEDAH DARIPADANYA, KITA MENDAPATI PROTAGONIS BERUSAHA MENUKAR KEPADA SISTEM TERTUTUP,+ TEGASNYA.

+KITA TERPAKSA BERTANYAKAN DIRI KITA SENDIRI JIKA SEBENARNYA TIDAK ADA PERKARA SEPERTI NEO-KOLONIALISME ATAU NEO-IMPERIALISME,+ KATANYA.

BELIAU KESAL KERANA ISTILAH SEPERTI NIC (NEGARA BARU PERINDUSTRIAN) DICIPTA BERTUJUAN Mencari ALASAN UNTUK MENINDAS PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MEMBANGUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA EKONOMI MALAYSIA BERANSUR PULIH SEJAK 1986 DAN SEHINGGA AKHIR TAHUN LEPAS, PERTUMBUHAN ITU MENINGKAT KEPADA LEBIH LAPAN PERATUS, IAITU ANGKA PALING TINGGI SEJAK 1979. -- LAGI

1208MST 26 05 89

D932

U B563 AAB  
MAHATHIR - BANK 3 LONDON

BELIAU BERKATA PEMULIHAN EKONOMI NEGARA DIBANTU DENGAN PENINGKATAN PERMINTAAN DUNIA TERMASUK HARGA KOMODITI YANG TINGGI. LEBIHAN DALAM IMBANGAN PEMBAYARAN AKAUN SEMASA BERJUMLAH LEBIH AS\$2,500 JUTA ATAU 8.5 PERATUS KELUARAN NEGARA KASAR DICATATKAN PADA 1987.

AKAUN SEMASA KERAJAAN PERSEKUTUAN JUGA MENUNJUKKAN LEBIHAN BERJUMLAH AS\$50 JUTA PADA 1988, KATANYA.

TAHUN 1988 MERUPAKAN SATU TAHUN YANG CEMERLANG BAGI EKONOMI MALAYSIA DAN PERTUMBUHAN EKONOMI DIJANGKA DIKEKALKAN PADA TAHUN 1989 APABILA KELUARAN DALAM NEGARA KASAR DIJANGKA MENCAPAI PERTUMBUHAN TUJUH PERATUS.

PERDANA MENTERI BERKATA PELABURAN DALAM NEGERI DAN LUAR NEGERI DIJANGKA KUKUH DAN MODAL ASING MENINGKAT MEMANDANGKAN KEMUDAHAN PRASARANA DAN SOKONGAN YANG SANGAT BAIK.

+PETANDA MENUNJUKKAN MALAYSIA AKAN MENJADI LEBIH MENARIK KEPADA PARA PELABUR ASING KERANA PELBAGAI ELEMEN POSITIF YANG MEMIHAK KEPADA MEREKA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PROSES MENGUBAH EKONOMI DARIPADA YANG BERGANTUNG KEPADA PERBELANJAAN KERAJAAN KEPADA YANG BERGANTUNG KEPADA SEKTOR SWASTA AKAN MENGAMBIL MASA. -- LAGI  
1230MST 26 05 89

D934

U B564 AAB  
MAHATHIR - BANK 4 LONDON

KATANYA, SEKTOR SWASTA SEKARANG BOLEH BERGERAK KE HADAPAN DENGAN MENINGKATKAN PELABURAN KERANA ADANYA POLISI FISKAL YANG BAIK UNTUK MEMASTIKAN KERAJAAN MENYEDIAKAN SOKONGAN KEPADA PELABURAN SWASTA MENERUSI PRASARANA YANG CUKUP DAN EFISIEN SERTA INSENTIF YANG MENARIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA MALAYSIA INGIN TERUS BERKEMBANG DAN MEMBANGUN PADA MASA HADAPAN IA MEMERLUKAN BUKAN SAHAJA DISIPLIN DALAM NEGERI TETAPI JUGA PASARAN LUAR NEGERI.

NEGARA MEMERLUKAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA UNTUK TUMBUH, TERUTAMANYA PADA KEADAAN DUNIA SEKARANG, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA SEKARANG DAPAT MENGAWASI DENGAN LEBIH DEKAT ARAH DAN PERKEMBANGAN EKONOMI DENGAN PEMBUKAAN PEJABAT WAKIL BANK NEGARA, DI SINI.

INI AKAN MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENYESUAIKAN STRATEGI-STRATEGINYA MENGIKUT KEADAAN, TAMBAHNYA. -- LAGI  
1238MST 26 05 89

D937

U B565 AAB  
MAHATHIR - BANK 5 LONDON

BELIAU BERKATA BANK NEGARA SEKARANG BERADA SECARA FIZIKAL DALAM PASARAN ANTARABANGSA SEPANJANG WAKTU DENGAN PEMBUKAAN CAWANGANNYA DI NEW YORK DAN LONDON.

TERDAHULU ITU, GABENOR BANK NEGARA, TAN SRI JAFFAR HUSSEIN, BERKATA PEMBUKAAN PEJABAT WAKIL ITU PADA ASASNYA IALAH UNTUK MEMPELAJARI, MENGIKUTI PERKEMBANGAN DALAM PASARAN KEWANGAN SERTA MEMPUNYAI HUBUNGAN TERUS DENGAN MAKLUMAT KEWANGAN DUNIA YANG TERBARU. -- BERNAMA

1247MST 26 05 89